



GARISPANDUAN BERKAITAN POTONGAN CUKAI KE ATAS YURAN LANGGANAN JALUR LEBAR (*BROADBAND*)

1. PENGENALAN

Garis panduan ini adalah untuk menerangkan layanan cukai ke atas Yuran Langganan Jalur Lebar. Pada masa kini individu yang menerima manfaat langganan jalur lebar yang dibayar oleh majikan dan didaftarkan atas nama majikan adalah dikecualikan daripada cukai pendapatan atas manfaat tersebut.

Di bawah Pelan Jalur Lebar Kebangsaan, kerajaan mensasarkan kadar capaian internet jalur lebar sebanyak 50% dalam tahun 2010. Bagi mencapai matlamat berkenaan, potongan di bawah perenggan 46(1)(m) Akta Cukai Pendapatan 1967 (ACP 1967) dibenarkan kepada seseorang individu yang melakukan perbelanjaan langganan jalur lebar yang didaftarkan atas nama individu itu dalam tempoh asas sesuatu tahun taksiran, terhad kepada amaun maksimum RM500.00 setahun.

2. APAKAH YANG DIMAKSUDKAN DENGAN JALUR LEBAR

2.1 Internet merupakan satu rangkaian sedunia komputer yang tersambung menerusi talian telefon, gentian optik dan teknologi tanpa wayar. Usaha untuk menghasilkan sambungan internet yang lebih pantas terus dijalankan dan teknologi jalur lebar terbaharu terus diperkenalkan.

Dialup services adalah sambungan internet melalui talian telefon dengan kelajuan 56kbps manakala sambungan internet melalui jalur lebar adalah melalui kabel atau DSL (*Digital Subscriber Line*) dengan kelajuan yang lebih tinggi. Kelebihan jalur lebar adalah di mana sesuatu laman boleh dimuat turun lebih pantas berbanding talian dail.

2.2 Jalur lebar adalah medium yang menyambungkan komunikasi berkeupayaan tinggi. Istilah ini merujuk kepada kelebaran spektrum frekuensi tersedia untuk penggunaan komunikasi. Maksud jalur lebar adalah capaian internet dengan kelajuan bersamaan dengan atau lebih daripada 256kbps satu arah atau kedua-dua arah. Kategori jalur lebar adalah:-

- (a) Jalur Lebar Berkelajuan Tinggi (HSBB – High Speed Broadband)
- (b) Jalur Lebar untuk Orang Awam (BEGP – Broadband to General Population)

2.3 Kemudahan Teknologi Jalur Lebar yang dilaksanakan adalah secara berwayar dan tanpa wayar:-

- (a) Berwayar iaitu:

ADSL	VDSL2
SDSL	FTTH
VDSL	ETTH
ADSL2+	

- (b) Tanpa Wayar

3G/HSDPA	WiMAX
lburst	Satellite
EV-Do	

3. LAYANAN CUKAI

Untuk menentukan bahawa seseorang pembayar cukai layak menuntut potongan RM500 atas yuran langganan jalur lebar di bawah perenggan 46(1)(m) ACP 1967 adalah dengan menentukan kaedah digunakan untuk mencapai internet.

Dialup service adalah perkhidmatan penyambungan internet melalui talian telefon dengan kelajuan 56kbps. Oleh itu kaedah pencapaian internet melalui *dialup service* tidak layak mendapat potongan cukai RM500 manakala sambungan kepada internet dengan jalur lebar melalui kabel atau DSL (Digital Subscriber Line) dengan kelajuan sama atau melebihi 256kbps layak mendapat potongan cukai.

Potongan cukai yang dibenarkan kepada individu yang melakukan perbelanjaan Langganan Jalur Lebar adalah langganan yang didaftarkan atas nama individu dalam tempoh asas sesuatu tahun taksiran. Amaun yang dibenarkan adalah terhad kepada amaun maksimum RM500.00 setahun dan potongan cukai dibenarkan mulai tahun taksiran 2010 dan berakhir pada tahun taksiran 2012.

Bahagian Khidmat Nasihat
Jabatan Dasar Percukaian
Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia
12 April 2011

s.k: LHDN.01/35/42/51/224-36.5